

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR DIUPACARA MENYAMPAI-
KAN SIJIL-SIJIL KEPADA GURU-GURU
PELAJARAN DEWASA DI TAMAN ASOHAN
RIDA, KUALA LUMPUR PADA 27HB
NOVEMBER, 1963

Puan Pengetua, Guru-guru, Tuan-tuan dan Penuntut-penuntut
ekalian,

Saya berasa sangat sukacita dapat peluang hadir di Majlis ini
pada petang ini untuk menyampaikan sijil-sijil kepada penuntut-
penuntut sekalian. Yang sebenarnya isteri saya¹ yang sepatutnya
menyampaikan sijil-sijil ini tetapi dia tidak dapat datang kerana
dikehendaki berada bersama-sama dengan Yang Amat Mulia,
Princess Margrethe, daripada Denmark di Istana Negara.

Saya suka juga mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi
tahniah kepada penuntut-penuntut yang telah berjaya menerima
sijil kerana tamat berlatih di Taman Asohan ini selama tiga bulan.
Saya percaya dalam masa tiga bulan menuntut di sini penuntut-
penuntut telah dapat banyak memetik ilmu pengetahuan yang
sangat mustahak mengenai dengan pendidikan dan urusan rumah-
tangga.

Saya tidak lupa juga mengucapkan tahniah dan terima kasih
kepada pihak Taman Asohan RIDA ini yang telah memberi
sumbangan yang besar dan kerjasama melatih penuntut-penuntut
ini. Setahu saya ini adalah kali yang kedua penuntut-penuntut
seumpama ini dilatih di sini dengan kerjasama dari Kementerian
Pembangunan Luar Bandar. Saya harap Taman Asohan ini dapat
memberi kerjasamanya lagi di masa hadapan dalam menjayakan
usaha yang seumpama ini.

i Toh Puan Rahah binti Dato' Haji Mohd. Noh.


Saya mendapat tahu penuntut-penuntut sekalian akan diberi tugas mengajar Kaum Ibu di kelas-kelas dewasa yang sedang berjalan di serata cerok kampung di kawasan luar bandar. Walaupun tugas ini berat tetapi sesudah tamat berlatih di sini saya percaya puan-puan akan dapat memimpin dan mengajar pelajar-pelajar kelas dewasa ini dengan berjaya. Sifatkanlah tugas ini sebagai suatu tanggungjawab Kebangsaan.

Pelajaran urusan dan ekonomi rumahtangga adalah satu perkara yang sangat mustahak kepada rakyat terutama kaum ibu. Bagi Negara Malaysia yang baharu merdeka sangat-sangat berkehendakan tenaga kaum ibu dalam segala lapangan terutama di dalam pelajaran urusan rumahtangga, kerana asas ekonomi dan kebahagiaan hidup satu-satu keluarga adalah datangnya dari rumahtangga. Rumahtangga yang bahagia dapat didirikan dengan sebab pandai dan bijaknya ibu-ibu yang menguruskannya.

Seperti kita semua tahu di dalam perlaksanaan Rancangan Pembangunan Luar Bandar peringkat yang kedua, sesuatu daripada peranan rakyat di Luar Bandar ialah menggunakan dengan sepenuhnya segala kemudahan bagi pelajaran dewasa untuk membasmi buta huruf dan menambahkan pengetahuan. Dengan adanya puan-puan ditugaskan mengajar ilmu urusan rumahtangga kepada rakyat di kawasan-kawasan Luar Bandar, maka dapatlah satu cara di mana pengetahuan itu dapat diberikan kepada penduduk-penduduk Luar Bandar ini supaya moga-moga mereka itu dapat memperbaiki keadaan mereka hari-hari dan meninggikan taraf hidupnya.

Saya mengerti bahawa puan-puan semua akan bertugas dengan cara sukarela di bawah anjuran Persatuan Perkumpulan Perempuan dan dengan sebab itu saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada puan-puan semua yang telah bersedia mengorbankan masa dan tenaga puan-puan semua untuk faedah rakyat-rakyat di Luar Bandar, khasnya kaum ibu, yang pada masa ini berkehendakan sangat tunjuk ajar dan panduan di dalam cara-cara mengatur ekonomi dan urusan rumahtangga yang baik. Oleh itu saya berharap puan-puan sebagai guru apabila pulang ke kampung kelak dapat memberi sumbangan yang besar dalam perkara ini.

Sekianlah, terima kasih.



Tun Abdul Razak sedang menyampaikan sijil kepada salah seorang penuntut di Majlis Penyampaian Sijil Tamat Latihan kepada Guru-guru Pelajaran Dewasa di Taman Asohan RIDA, Kuala Lumpur pada 28hb November, 1963.



Tun Abdul Razak merasmikan Pembukaan Balai Raya Kampong Kuala Pahang, Endau pada 5hb
Disember, 1963.